

Masyarakat perlu ada kesedaran: SAS

PENCEMARAN Sungai Klang memerlukan kesedaran tinggi daripada anggota masyarakat agar isu alam sekitar dapat dibendung.

Setiausaha Pertubuhan Sahabat Alam Sekitar Malaysia (SAS), Osman Amir berkata, walaupun terdapat usaha untuk mengindahkan Sungai Klang namun penglibatan masyarakat masih rendah.

Sehubungan itu, katanya, penglibatan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sangat penting untuk bantu atasi isu berkenaan.

"SAS sentiasa memandang berat pencemaran Sungai Klang ini dan pertubuhan sememangnya mempunyai perancangan untuk mengadakan kempen dan program di Sungai Klang sebagai satu kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya memelihara alam sekitar," katanya.

Pada masa yang sama katanya, sokongan daripada pihak berwajib dan berkaitan sangat diperlukan bagi NGO-NGO seperti SAS bergerak menjayakan kempen kesedaran.

Manakala pihak ber-



Kesedaran masyarakat berhubung pencemaran sungai turut memerlukan bantuan NGO.

tanggungjawab seperti kerajaan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlulah seiring dalam usaha mengatasi isu ini.

Menyentuh isu pencemaran Sungai Klang, beliau tidak menolak ia berpunca daripada sikap warga asing yang tak memahami budaya setempat.

Sebagai contoh, katanya, bandar Klang yang sering dipenuhi warga asing pada setiap Sabtu dan Ahad menyebabkan masalah pembuangan sampah menjadi tidak terkawal.

"Iniilah salah satu punca di mana pencemaran

Sungai Klang tidak mampu dikawal dan memerlukan penguatkuasaan tegas dalam menangani isu ini," katanya.

Menurutnya, ini ditambah dengan masalah masyarakat setempat yang keliru mengenai siapa pihak bertanggungjawab perlu dirujuk apabila berlaku pencemaran sungai.

Masyarakat lebih banyak merujuk kepada PBT sedangkan bidang kuasa tersebut adalah di bawah kawalan JPS.

"Pemahaman seperti ini sangat penting agar masyarakat merujuk masalah kepada pihak yang betul dan tidak salahkan PBT," katanya.